

# Selesai konflik: Pisahkan Palestin, Israel secara paksa

UM 37 NOV 2001

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, konflik Arab-Israel yang menjadi sebab utama keganasan mesti diselesaikan segera dengan memisahkan pihak Palestin dan Israel secara paksa oleh pasukan yang kuat di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri berkata, tindakan berbalas-balas serangan antara kedua-dua belah pihak tidak akan membantu menyelesaikan konflik yang belum menampakkan tanda-tanda akan berakhir.

“Walaupun Arafat (Presiden Palestin, Yassir Arafat) setuju untuk gencatan senjata, beliau tidak boleh menghentikan rakyatnya yang kehilangan anak atau anggota keluarga daripada terus menyerang dan membunuh rakyat Israel.

“Hanya pemisahan secara paksa antara kedua-dua pihak oleh pasukan yang kuat di bawah PBB boleh mencapai matlamat itu,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa berucap merasmikan Seminar Mengenai Keganasan di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Katanya, dalam menentang penganas dan keganasan, sebab-musabab kemarahan dan kekecewaan pada pihak penganas itu perlulah dikaji, dan tindakan hendaklah dilakukan untuk menghilangkan apa yang menjadi sebab-musabab itu.

“Saya percaya sebab utama ialah isu Palestin,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebelum ini Palestin sedia menerima kehadiran pasukan pengaman PBB tetapi Israel membantah.

Pada masa yang sama, katanya, dunia memenuhi kehendak Israel menyebabkan keganasan berterusan.

Dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian itu, Perdana Menteri berkata, negara-negara Arab kini mula mengiktiraf Israel walaupun enggan berbuat demikian sebelum ini.

“Jadi saya rasa sudah tiba giliran Israel mengiktiraf negara Palestin pula,” tegasnya.

## Mengiktiraf

Bagaimanapun, Dr. Mahathir berkata, untuk melihat Israel dan Palestin menyelesaikan masalah mereka secara bersama adalah agak sukar kerana mereka mempunyai alasan masing-masing.

“Jadi PBB mesti memisahkan mereka secara paksa, barulah masalah tersebut dapat diselesaikan,” katanya.

Menurutnya, punca konflik Israel-Palestin ialah disebabkan Israel menduduki kawasan yang bukan milik mereka dan mendakwa ia adalah kawasan mereka 2,000 tahun lalu.

“Kalau mahu buat tuntutan seperti itu, Malaysia pun akan dapat banyak wilayah,” ujarnya sambil mengingatkan semua pihak supaya melihat situasi semasa ketika membuat sesuatu tuntutan.